

UMS –AIC – KTA – KATA Kerjasama Bangunkan Industri Pelancongan Luar Bandar

Terakhir dikemaskini: Rabu, 03 Oktober 2018 16:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 182

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 3 OKTOBER - Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai antara Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kolej Antarabangsa AlmaCrest (AIC), Persatuan Pelancongan Kiulu (KTA) dan Persatuan Pelancongan Kadamaian (KATA) mendapat pujian daripada Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan

Alam Sekitar Sabah, Assafal P. Alian.

Menurut beliau, pelancongan di Sabah tidak hanya terhad di pusat bandar malah di kawasan luar bandar yang kaya dengan pemandangan seperti gunung yang tinggi, sungai dan laut yang cantik serta kebudayaan dan tradisi masyarakat yang menjadi salah satu produk pelancongan.

“MoU hari ini adalah tepat kerana kita mahu masyarakat di kawasan luar bandar bersedia untuk menerima tugasan sebagai ikon pelancongan pada masa akan datang.

“Saya tertarik dengan penekanan kepada penglibatan kaum belia, sebab mereka lah yang akan mewarisi negeri ini pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berucap demikian ketika mewakili Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Christina Liew pada majlis MoU tersebut.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin memberitahu bidang pelancongan yang mapan dan pelancongan luar bandar merupakan salah satu bidang pengkhususan di UMS.

“Terdapat dua fungsi pendidikan tinggi, pertama memfokuskan kepada graduan yang kompeten dalam bidang pelancongan dan perhotelan untuk menyokong kepada industri pelancongan khasnya di Sabah dan Malaysia amnya.

“Kedua, bertujuan untuk menyampaikan hasil penyelidikan dan penerbitan yang berimpak tinggi untuk manfaat masyarakat,” ujarnya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni), Profesor Dr. Ismail Ali.

Ketika menandatangani MoU tersebut, UMS diwakili Profesor Dr. Ismail manakala AIC diwakil Pengarah, Stephani Yen.

Sementara itu KATA diwakili Pengerusi, Walter Kandayon dan KTA diwakili oleh Pemangku Pengerusi, Mejin Manginggow.

Turut hadir Pendaftar UMS, No'man Hj Ahmad dan Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Profesor Madya Dr. Raman Noordin.